

29 MAR 1996

Mahathir - UMNO

PERDANA MEMTERI JUMPA WAKIL RAKYAT KEDAH ESOK

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui semua anggota Dewan Undangan Negeri, anggota Parlimen dan ketua-ketua bahagian UMNO dari Kedah esok bagi mendapatkan pandangan mengenai isu Menteri Besar Kedah.

"Saya berasa lega bahawa dua puluh dua anggota Dewan Undangan negeri terbabit akan memohon maaf," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini sekembalinya dari lawatan rasmi lima hari ke New Zealand.

Katanya, beliau lega kerana nampaknya isu Menteri Besar Kedah dapat diatasi.

Dr Mahathir berkata semasa berada di New Zealand, beliau menyerahkan tanggungjawab menangani isu itu kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, mengikut laporan Anwar, nampaknya ada sedikit sebanyak kesan terhadap perkara itu. Anwar turut berada di lapangan terbang menyambut kepulangan Dr Mahathir dan rombongan.

Semalam, dua puluh dua anggota Dewan Undangan Negeri dari UMNO menandatangani memorandum menolak usaha melantik anggota dewan dari Kuah, Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah, semalam bersetuju memohon maaf kepada Dr Mahathir atas perbuatan mereka itu.

Dr Mahathir semasa ditanya mengenai perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru, berkata: "Tidak tahulah saya tentang pertukaran itu. Saya nak tanya pihak-pihak tertentu supaya dapat maklumat mengenai perkara ini."

Mengenai sama ada isu Menteri Besar Kedah itu telah menimbulkan pelbagai keraguan. Perdana Menteri berkata memang benar beliau kadang-kadang menulis surat kepada Osman Aroff, tetapi ia berhubung dengan urusan kerja.

Perdana Menteri sambil ketawa berkata, setakat ini beliau tidak tahu sama ada beliau ada menulis surat berhubung dengan hasrat menggantikan kedudukan Osman sebagai Menteri Besar.

"Itulah sebabnya saya perlu menemui semua yang terlibat termasuk ketua-ketua bahagian UMNO di Kedah yang membuat kenyataan setelah mendapat laporan daripada Datuk Seri Anwar," katanya.

Menurut Perdana Menteri, sewaktu berada di New Zealand, beliau belum mengetahui tentang keputusan mereka untuk memohon maaf. "Memang dalam UMNO kita ada cara dan peraturan, sebab itulah UMNO kukuh kerana kita adalah orang yang berperaturan."

"Jarang terdapat peristiwa yang dibuat tidak mengikut peraturan, kalau berlaku pun barangkali kerana kita alpa, bukan kerana apa. Bukan ada peraturan secara tertulis, tapi kerana kita mempunyai budaya UMNO. Ahli-ahli dan para pemimpin UMNO juga tahu tentang peraturan, amalan dan adat kita," katanya.

Dr Mahathir mengulangi kenyataan bahawa beliau sering menimbang pandangan orang lain kerana menurutnya beliau tidak akan kekal lama memegang teraju pimpinan parti sekiranya beliau tidak mengambil kira pandangan orang lain.

Menurut Perdana Menteri, beliau akan berbincang dengan Anwar dahulu dalam usaha menghapuskan spekulasi yang timbul.

Yang turut menyambut Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang membawa bersamanya 21 wakil rakyat Perlis bagi menunjukkan sokongan jitu kepada

Perdana Menteri.

Mengenai lawatannya ke New Zealand, Dr Mahathir berkata ia adalah baik berdasarkan program yang diatitkan serta perbincangan mengenai hubungan dua hala dan masalah antarabangsa.

Beliau juga mengambil peluang daripada lawatan itu bagi menjelaskan mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan daripada hasil perbincangan itu nampaknya New Zealand tidak menentang EAEC.

Pada keseluruhannya, lawatan itu berhasil. Beberapa memorandum persefahaman dimeterai antara syarikat Malaysia dan New Zealand, kata beliau. -- BERNAMA.

ZAB SJA FAZ2